KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	29.03.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			

Pulihara harimau Malaya daripada pupus

KUANTAN – Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah, agar usaha memulihara harimau Malaya yang diambang kepupusan digerakkan segera dalam memastikan khazanah berharga itu terus kekal.

SIDANG DUN PAHANG

Titah baginda, penubuhan Majlis Biodiversiti Pahang dan Perbadanan Taman Negeri Pahang pada 1 Januari lalu bertepatan dalam usaha pemeliharaan dan penggunaan berterusan sumber biologi, kawalan dan pengurusan serta pembangunan alam sekitar.

"Kini, beta sedang menggerakkan usaha memelihara alam sekitar, flora dan fauna termasuklah inisiatif memelihara harimau Malaya yang kini berada di ambang kepupusan.

"Sekiranya kita semua tidak memberikan perhatian yang sewajarnya, tidak mustahil anak cucu kita hanya dapat melihat dan mengenal harimau Malaya sekadar dalam jata negara mahupun di kulit pasport sahaja," titah baginda pada Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Dewan Undangan Negeri Pahang ke-14 di sini semalam.

Tengku Hassanal bertitah, agar kerajaan negeri terus menambah keluasan kawasan rizab hutan simpan kekal di negeri ini.

"Saya cukup berbesar hati kerana kawasan Hutan Simpan Kekal dan hutan simpan telah ditambah lebih 7,000 hektar pada tahun ini menjadikan jumlah kira-kira 1.6 juta hektar hutan simpan kekal di Pahang.

"Angka ini sekali gus menobatkan Pahang sebagai negeri yang mempunyai rizab hutan terbesar di Semenanjung Malaysia," ujarnya.



TENGKU HASSANAL bertitah pada Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 DUN Pahang di Wisma Sri Pahang, Kuantan semalam.